

MENGGANTIKAN FRASA DENGAN PERKATAAN

MENGGANTIKAN FRASA DENGAN PERKATAAN: LATIHAN 1

ARAHAN: Gantikan frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini dengan sepatah perkataan yang sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Cikgu Akbar yang menghidap penyakit jantung itu jatuh terbaring lalu tidak sedarkan diri semasa mengajar kami di dalam kelas.
 (1) lena (2) mabuk
 (3) pening (4) pengsan ()
- 2 Adik saya yang masih bayi itu tidur lena setelah minum sebotol susu.
 (1) asyik (2) dengkur
 (3) lenyak (4) selesa ()
- 3 Daging rendang kambing itu susah dikunyah kerana dimasak dalam masa yang singkat.
 (1) beku (2) garing
 (3) liat (4) rapuh ()
- 4 Wal Jono yang cacat dan selalu mengemis di depan pasar dipandang rendah oleh jiran-jirannya.
 (1) difitnah (2) difitnah
 (3) dihasut (4) dihina ()
- 5 Pasangan pengantin yang duduk berpasangan di pelamin tersenyum-senyum kerana diejek oleh rakan-rakan mereka yang berada di situ.
 (1) bersanding (2) bersendeng
 (3) bertandang (4) bertanding ()
- 6 Tiga orang yang sama-sama terlibat kerana pengedaran dadah itu telah di hukum gantung oleh hakim Mahkamah Tinggi.
 (1) berbelot (2) berkumpul
 (3) bersahabat (4) bersubahat ()
- 7 Tanah di tebing sungai itu dihanyutkan air sungai yang mengalir deras setiap kali hujan lebat.
 (1) dicatu (2) dihakis
 (3) dilerai (4) dipisah ()

- 8 Peguam yang bijak bestari itu telah dilantik menjadi orang yang menentukan salah benar seseorang dalam perbicaraan dalam mahkamah.
 (1) hakim (2) peguam
 (3) saksi (4) wira ()
- 9 Beribu-ribu orang telah mati akibat penyakit yang mudah berjangkit di Afrika.
 (1) membasmi (2) menular
 (3) menyiksa (4) merbahaya ()
- 10 Azman telah diberi peringatan keras setelah didapati menghisap rokok oleh ayahnya.
 (1) ajakan (2) ajaran
 (3) amalan (4) amaran ()
- 11 Azlan telah mendapatkan orang yang membela mereka yang dituduh di mahkamah untuk melawan kesnya.
 (1) hakim (2) mahkamah
 (3) majistret (4) peguam ()
- 12 Ibu saya tidak lupa untuk menjirus air pada pokok-pokok bunganya yang terletak di koridor pada setiap petang.
 (1) menyimbah (2) menyiram
 (3) merendam (4) merenjis ()
- 13 Polis marin telah berjaya menangkap sekumpulan perompak laut yang bermaharajalela di Selat Melaka.
 (1) lanun (2) nakhoda
 (3) nelayan (4) perisik ()
- 14 Ayah kami yang tidak mengenal penat berusaha dengan pelbagai cara untuk membiayai perbelanjaan persekolahan kami tiga beradik.
 (1) berdoa (2) berharap
 (3) berikhtiar (4) berlakon ()
- 15 Encik Atan dan anaknya lakukan sesuatu untuk mengetahui sama ada lelayang yang dibuat mereka boleh terbang dengan sempurna.
 (1) banding (2) cuba
 (3) karang (4) sukat ()